



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**(SIRI 2/2021) PANDANGAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT
DENGAN JUMLAH DUA BELAS (12) ORANG JEMAAH BAGI DAERAH
YANG BERADA DALAM ZON MERAH.**

Menjunjung titah perintah **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Tuanku Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman** berikutan situasi terkini penularan pendamik COVID-19 di Negeri Kedah yang semakin meningkat dan amat mebingungkan maka Jabatan Mufti Negeri Kedah berpandangan;

1. **Solat Fardhu Jumaat** bagi daerah-daerah yang berada dalam Zon Merah **HANYA** boleh didirikan di Masjid Kariah dan Masjid Jamek (termasuk Masjid Institusi) dengan bilangan ahli Jumaat dua belas (12) orang sahaja tidak termasuk imam.
2. Pandangan ini merujuk kepada Qaul Asah dalam Mazhab Maliki iaitu:

وقال المالكية: يشترط حضور اثني عشر رجلا للصلاة والخطبة، لما روي عن جابر أن النبي ﷺ كان يخطب قائما يوم الجمعة فجاءت عير (إبل تحمل التجارة) من الشام، فانفتل الناس اليها، حتى لم يبق إلا اثنا عشر رجلا، فأنزلت هذه الآية التي في الجمعة: {وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انْفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا} [الجمعة: 11]¹.

Maksudnya: "Mazhab Maliki berpandangan disyaratkan hadir 12 orang lelaki untuk mendirikan solat (Jumaat) dan mendengar khutbah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa ketika Nabi ﷺ berkhotbah dalam keadaan berdiri pada hari Jumaat telah tiba satu kafilah perdagangan dari Syam. Semua ahli Jumaat meninggalkan tempat itu dan yang kekal hanyalah dua belas orang lelaki sahaja. Maka turunlah ayat 11, surah al-Jum'ah {وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انْفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا}

¹ الدكتور وهبه الزحيلي، الفقه الإسلامي وأدلته، الجزء الثاني، الطبعة الرابعة 1997/1418، ص: 1297.

3. Pada 18 Mei 2020 bersamaan 25 Ramadhan 1441, KDYMM Tuanku Sultan Kedah **telah perkenan untuk umat Islam di Negeri Kedah bertaqlid kepada Mazhab Maliki** selaras dengan peruntukan Seksyen 26, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 iaitu boleh bertaqlid kepada Mazhab yang lain dengan syarat telah mendapat perkenan KDYMM Tuanku Sultan.
4. Pandangan ini juga bertepatan dengan Maqasid Syariah iaitu memelihara diri daripada kemudharatan (حفظ النفس) kerana wabak COVID-19 ini boleh menyebabkan kemudaratan kepada diri seseorang bahkan boleh membawa kepada kematian.
5. Sementara itu, **bagi daerah-daerah yang tidak berada dalam Zon Merah, bilangan jemaah Solat Fardhu Jumaat dikekalkan sekurang-kurangnya empat puluh (40) orang ahli Jumaat.**
6. Bagi ahli Jumaat yang diberi kebenaran mendirikan Solat Jumaat hendaklah;
 - i. Terdiri dalam kalangan ahli Jumaat yang sama (tidak bertukar ganti).
 - ii. Sekiranya ahli Jumaat berkenaan bergejala dan tidak sihat, maka hendaklah diganti dengan ahli lain yang sihat dan tidak bergejala.
 - iii. Setiap ahli Jumaat tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK).
7. Mana-mana lelaki yang memenuhi syarat sah Jumaat namun tidak dapat mendirikan Solat Jumaat atas faktor mematuhi peraturan (SOP) ini **maka gugur kewajiban mendirikan Solat Fardhu Jumaat (tidak berdosa) dan hendaklah mendirikan Solat Fardhu Zohor di rumah masing-masing.**

Justeru, Jabatan Mufti Negeri Kedah menyeru seluruh umat Islam di Negeri Kedah Darul Aman supaya patuh dan akur akan titah KDYMM Tuanku Sultan di samping kita sentiasa memperbanyakkan istighfar, bermunajat, membaca Qunut Nazilah dan sebagainya agar kita semua sama-sama berperanan memutuskan rantai COVID-19. Sama-sama kita berdoa agar Allah ﷻ mengangkat wabak yang merbahaya ini.

TARIKH KEPUTUSAN : 18 MEI 2021